



مجلس بندياري قتاليج جاي

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami : MBPJ.UKK.100-9/1/1 (67)

Tarikh : 15 MAC 2022

MBPJ, ROSE FOUNDATION ANJUR PROGRAM USAHA SAMA SARINGAN PANGKAL RAHIM SECARA PERCUMA

Bersempena dengan sambutan Hari Kesedaran HPV Sedunia (*International HPV Awareness Day*) dan Hari Wanita, Majlis dengan usaha sama ROSE Foundation (sebuah badan pertubuhan bukan kerajaan) akan menganjurkan **Program Saringan Pangkal Rahim (Cervical Screening) secara percuma** kepada golongan wanita khususnya untuk komuniti Petaling Jaya.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi kesedaran dan menggalakkan golongan wanita agar sentiasa prihatin terhadap penjagaan kualiti tahap kesihatan masing-masing terutamanya berkaitan kanser serviks yang jarang mendapat perhatian sewajarnya.

Ujian saringan pangkal rahim adalah cara pencegahan yang utama dan penting untuk pengesanan kanser pada peringkat awal dan mengelakkan barah tahap keempat. Pemeriksaan melalui ujian HPV merupakan kaedah terkini yang lebih efisien dan memudahkan wanita sebab ia boleh dibuat sendiri dengan menggunakan swab sendiri (*self-sampling swab*). Persampelan sendiri ini membolehkan wanita berada dalam keadaan selesa dengan perasaan selamat tanpa malu waktu ujian.

Program Saringan Pangkal Rahim secara percuma ini akan diadakan pada 18 Mac 2022 (Jumaat) bertempat di Dewan Sivik MBPJ, bermula pada pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang. Perkhidmatan percuma ini adalah mengikut terma dan syarat. Sebarang perubahan adalah tertakluk pada pihak penganjur.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media

Unit Komunikasi Korporat

Majlis Bandaraya Petaling Jaya

